



METERAI: Kasim (dua kanan) dan Maruja (dua kiri) menandatangani dokumen MoU sambil di saksikan Luqman (tepi kanan) dan Erison (tepi kiri).

UMS, Adamson University jalin kerjasama akademik dan penyelidikan

UB 25.08.2023 P.03

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Adamson University (AdU), Filipina, menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di Bilik Mesyuarat Lembaga Eksekutif UMS, di sini, pada Rabu.

MoU itu ditandatangani oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor dan Pengarah Perhubungan Universiti AdU, Sr. Maruja S. Padre Juan.

Ia turut disaksikan Pendafatar UMS, Luqman Ridha Anwar dan Pengurus Jabatan Kejuruteraan Kimia, Kolej Kejuruteraan AdU, Prof. Madya Engr. Erison C. Roque.

Menurut Kasim, pemeterai MoU itu merangkumi kolaborasi akademik serta kerjasama dalam pengajaran dan penyelidikan.

"Kerjasama ini juga meliputi program mobiliti pelajar dan kakitangan akademik,

persatuan, persidangan, lawatan akademik dan aktiviti lain yang dipersetujui kedua-dua pihak tertakluk kepada undang-undang dan dasar dari semasa ke semasa.

"Adalah diharapkan MoU ini dapat memperkuatkannya hubungan antara kedua-dua universiti dan memberi manfaat bersama," katanya.

Dalam pada itu, Maruja dalam ucapannya memaklumkan bahawa UMS sebagai sebuah universiti yang tepat untuk jalinan kerjasama MoU.

"Saya sangat selesa di sini dan berasa seolah-olah berada di rumah sendiri kerana masyarakat yang begitu mesra selain budaya hampir sama dengan masyarakat di Filipina."

"Saya percaya pelajar dari AdU juga nanti akan mempunyai perasaan seperti ini dan menikmati pengalaman suasana pembelajaran yang kondusif di UMS,"

katanya.

Untuk rekod, MoU UMS – AdU akan berkuat kuasa serta merta dan akan kekal untuk tempoh lima tahun.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof. Dr. Shahril Yusof; Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Dr. Ir. Rosalam Sarbatly; dan Penolong Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat, Prof. Dr. Coswald Stephen Sipaut @ Mohd Nasri.

Turut hadir Dekan Fakulti Perniagaan dan Perakaunan (FPEP), Prof. Madya Dr. Mohd Rahimie Abd. Karim; Ketua Pegawai Digital Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK), Prof. Dr. Ag. Asri Ag. Ibrahim; dan Ketua Program Pengurusan Pelancongan FPEP, Prof. Madya Dr. Awangku Hassanal Bahar Pengiran Bagul.